

20/10/1998

Tiada alasan untuk bubar Parlimen

KUALA LUMPUR, Isnin - Pemimpin Umno menyifatkan tindakan penyokong gerakan reformasi meminta Yang di-Pertuan Agong membubarkan Parlimen dan mengadakan pilihan raya umum tidak wajar dilayani.

Sambil menganggap permintaan itu tidak munasabah, mereka menjelaskan tidak ada alasan kukuh bagi Yang di-Pertuan Agong untuk membubarkan Parlimen.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik, berkata permintaan beberapa penyokong gerakan reformasi supaya Parlimen dibubarkan bagi mengadakan pilihan raya tidak perlu dilayani.

"Apa sebab pula kita nak bubar Parlimen? Sebab dua tiga orang reformasi? Reformasi apa? Tak perlu," katanya selepas menghadiri rumah terbuka sempena Hari Deepavali anjuran Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu.

Beliau mengulas tindakan penyokong gerakan reformasi yang meminta Yang di-Pertuan Agong membubarkan Parlimen bagi membolehkan pilihan raya umum diadakan.

Ahli Majlis Tertinggi (Umno), Datuk Tajol Rosli Ghazali, pula berkata Malaysia tidak boleh terikut-ikut dengan permintaan seumpama itu.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Dalam Negeri membidas gerakan reformasi itu yang mahu menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menerusi demonstrasi di jalan raya.

"Kalau tak suka Umno, kena jatuhkan Umno melalui pilihan raya. Kalau dalam Umno Dr Mahathir kalah, dalam pilihan raya Umno kalah, kita menerima hakikat itu.

"Tapi seperti kata Perdana Menteri, kita tak boleh jatuhkan kerajaan yang dipilih rakyat menerusi demonstrasi di jalan raya," katanya.

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata pengikut gerakan reformasi tidak harus bertindak bertentangan dengan sistem, amalan demokrasi dan semangat perlembagaan.

Beliau menganggap penyokong reformasi menyedari langkah itu bukan cara yang sebenar tetapi mereka sengaja melaungkan itu bagi membangkitkan kemarahan rakyat supaya bangun menentang kerajaan.

"Bukan begitu caranya... kita tahu Yang di-Pertuan Agong adalah raja berperlembagaan dan Agong bertindak berdasarkan perlembagaan berdasarkan nasihat Perdana Menteri.

"Sebenarnya, tidak ada keperluan. Apa sebab dan kenapa perlu dibubarkan Parlimen? Bukan ada krisis dan bukan ada emergency apa.

"Ini adalah hak kerajaan yang memerintah waktu ini dan kalau Perdana Menteri kata pilihan raya lambat lagi, itu keputusan pihak kerajaan yang memerintah," katanya.

Mengikut Perlembagaan Persekutuan, tugas Yang di-Pertuan Agong termasuk pembubaran Parlimen dilakukan atas nasihat Perdana Menteri.

(END)